

Kerajaan negeri Selangor beri kelulusan bina kolam tadahan di Rawang

Selesai 90% masalah banjir kilat

Oleh **NORMAIRAH JAMALUDDIN**

kota@utusangroup.com.my

KUALA LUMPUR 17 Jan. - Cadangan pembinaan sebuah kolam tadahan banjir seluas 1.2 hektar di

Batu 23, Jalan Batu Arang-Rawang, Selangor tetap diteruskan walaupun mendapat bantahan penduduk dan pengusaha ternakan di situ.

Pegawai Daerah Gombak, Datuk Nor Hisham

Ahmad Dahalan berkata, pembinaan kolam berdekatan Sungai Gong

yang menjadi punca banjir itu akan dijalankan dalam tempoh terdekat.

Menurutnya, tanah tersebut merupakan milik kerajaan dan tidak melibatkan sebarang pengambilan tanah persendirian.

"Saya telah berjumpa dengan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim minggu lalu dan persetujuan telah diberikan bagi meneruskan projek tersebut.

"Bagaimanapun jumlah peruntukan bagi projek itu masih belum ditentukan.

"Kertas kerja mengenai projek tersebut juga telah dihantar ke Jabatan Pengairan dan Saliran untuk tindakan seterusnya," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menngulas mengenai bantahan beberapa penduduk dan pengusaha ternakan di Batu 23, Jalan Batu-Arang di sini mengenai cadangan pembinaan kolam tadahan di kawasan



Penduduk bantah pembinaan kolam tadahan atasi banjir di Rawang

Mahu sungai diselenggara

KERATAN Utusan Malaysia, semalam.

itu yang disiarkan *Utusan Malaysia* hari ini.

Dalam laporan itu, mereka mendakwa lokasi yang dicadangkan itu bukan sahaja tidak sesuai kerana

terletak di kawasan tanah tinggi tetapi juga bukan kawasan yang menjadi punca kejadian banjir.

Nor Hisham berkata, mereka yang menyuarakan bantahan itu

terdiri daripada peneroka haram di kawasan itu

"Kolam tersebut dijangka dapat menyelesaikan 90 peratus masalah banjir di Rawang," katanya.